

Kegiatan video lucah

Disingkir

BM 14 JAN 1990

jika terbabit

Oleh MANJA ISMAIL

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak mahu sesiapa yang dibuktikan terbabit dalam kegiatan video lucah mendapat tempat dalam pentadbirannya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, jika seseorang itu terbukti bersalah, sama ada daripada kerajaan atau parti pembangkang, tindakan akan diambil terhadap mereka.

Bagaimanapun, katanya, adalah tidak adil menghukum seseorang itu berdasarkan tuduhan semata-mata dan perkara itu harus ditimbang secara adil.

"Kalau kita menghukum seseorang itu atas tuduhan semata-mata, yang belum dapat dibuktikan, ia menjadi satu ketidakadilan. Sehubungan itu, perkara ini harus ditimbang secara adil.

"Saya ingat ramai lagi orang lain yang menyimpan pita video lucah, termasuk orang atasan, tetapi kerajaan tidak mempunyai bukti. Tetapi kenapa hanya seorang yang menjadi mangsa," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Perbarisan Hari Rela di sini semalam.

Perdana Menteri mengulangi bahawa DAP hanya mahu mencari kepentingan politik dan bukan berminat membetulkan kecurangan apabila parti itu menimbulkan isu pita video lucah yang didakwa membabitkan Setiausaha Agung MIC, Encik D P Vijandran.

Menurutnya, jika DAP benar-benar berminat membetulkan kecurangan, mereka sepatutnya tidak membangkitkan perkara itu di Parlimen, sebaliknya membuat laporan polis sejak awal lagi.

"Kalau benar mereka ingin mengambil tindakan kerana jenayah menyimpan pita lucah, ia perlu dilaporkan kepada polis dan polis akan mengambil tindakan biasa terhadap mereka

yang melakukan jenayah itu," katanya.

Beliau berkata pembangkang juga harus bersedia membuat tuduhan kepada anggota mereka jika mendapat maklumat. "Inilah baru adil," katanya.

Mengenai dakwaan DAP bahawa Peguam Negara cuba melindungi isu itu, Perdana Menteri berkata terpujanglah kepada parti itu membuktikan sama ada kerajaan cuba melindungi isu itu atau sebaliknya.

"Tetapi kita harus ingat, perkara ini berlaku sudah lama dan pada mulanya ia adalah jenayah kecurian yang dilaporkan. Isi kandungan peti besi tidak dibangkit. Kalau kita curi peti besi walaupun tidak membukanya, ia sudah satu jenayah.

"Jadi perhatian ketika itu mungkin ditumpukan kepada jenayah kecurian, manakala soal kandungannya tidak dibangkit. Kalau ia dibangkit sejak awal, saya yakin polis akan mengambil tindakan perlu," katanya.

Bercuti

Ditanya sama ada Peguam Negara merujuk kepadanya sebelum membuat kenyataan berhubung isu itu Rabu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Kalau semua perkara hendak dirujuk kepada saya, saya tidak ada kerja lain. Ia bergantung kepada budi bicara pegawai berkenaan."

Kepada soalan lain, Perdana Menteri berkata soal beliau menyokong Peguam Negara tidak timbul selagi pegawai terbabit menjalankan tugasnya. "Melainkan ada yang membuktikan bahawa seseorang pegawai membuat perkara curang, saya tidak boleh ambil tindakan," katanya.

Mengenai kemungkinan Encik Vijandran akan diminta bercuti sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat untuk mengurangkan ketegangan berhubung isu itu, beliau berkata:

"Kalau kita cuma mempunyai niat yang semacam itu, maka pembangkang saja yang boleh mengadakan ketegangan dengan membangkitkan perkara ini."